

Bush jemput Mahathir lawat Washington

BH 4 APR 2002

WASHINGTON, Rabu - Presiden Amerika Syarikat, George W Bush menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Washington antara 12 hingga 14 Mei ini.

Menurut sumber diplomatik, lawatan ke White House itu adalah yang pertama bagi Dr Mahathir sejak 1994 apabila Perdana Menteri menhadakan pertemuan dengan bekas Presiden Bill Clinton.

"Dr Mahathir dijemput pada 12 hingga 14 Mei ini," kata sumber itu kepada Reuters, hari ini.

Lawatan itu dilihat sebagai langkah pertama dalam mengukuhkan hubungan dua hala kedua-dua negara selain pengiktirafan Washington Dr Mahathir sebagai pemimpin negara Islam sederhana.

Hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia menjadi keruh apabila bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore mengkritik Malaysia ketika berucap pada majlis makan malam Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di sini pada 1998.

Hubungan kedua-dua negara lebih baik apabila Dr Mahathir mengambil langkah proaktif dalam menangani isu keganasan antarabangsa.

Pendirian Malaysia dalam menangani isu itu dilihat dengan penahanan 50 orang yang disyaki terbabit dalam kegiatan keganasan.

Sebelum ini, Washington mengkritik Malaysia yang didakwa menggunakan undang-undang tertentu untuk kepentingan politik. Bagaimanapun pandangan Washington berubah selepas kejadian 11 Sepember.

Dr Mahathir yang memimpin sebuah negara Islam moden, lantang dalam mempertahankan kepentingan negara Islam.

Beliau juga menentang pengeboman Amerika Syarikat di Afghanistan selain mengkritik Washington kerana menyokong Israel.

Pada Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur, yang berakhir hari ini, Dr Mahathir mendakwa Kerajaan Israel adalah penganas dan dasarnya adalah punca kepada semua masalah.

Menurut sumber itu, Dr Mahathir dijangka meminta Amerika Syarikat menukar dasarnya terhadap Timur Tengah.

"Saya berpendapat Dr Mahathir cuba meletakkan dirinya di kalangan negara Barat sebagai seorang pemimpin yang berfikiran sederhana," kata diplomat itu.

- Reuters